

Jauhi bohong melalui perbuatan, perkataan

Perlakuan ditegah agama boleh gugat nama baik umat, masyarakat Islam

Nik Salida Shuhaila

salidasuhaila99@yahoo.com



HARI ini dunia komunikasi yang luas dan pantas memudahkan penyampaian berita serta maklumat. Ia menjadi sebahagian medium perantara yang berkesan serta mengeratkan hubungan saudara sesama insan.

Malangnya, kemajuan teknologi maklumat turut disalah guna untuk menyebarkan berita palsu dan pembohongan bertujuan memfitnah serta memecahbelahkan manusia. Rasulullah SAW tidak mengiktiraf orang yang berbohong sebagai seorang Muslim.

Abul Laits meriwayatkan dengan sanadnya dari Shafwan bin Sulaim berkata, Rasulullah SAW ditanya: "Adakah seseorang Muslim itu penakut? Jawab Nabi: Mungkin. Ditanya lagi: Adakah mungkin ia bakhil? Nabi menjawab: Mungkin. Ditanya lagi: Adakah mungkin ia dusta? Jawab Nabi: Tidak."

Tidak dapat dipastikan tujuan manusia berbohong sama ada melalui perkataan atau perbuatan. Ada yang berdusta kepada diri sendiri, sekali gus menunjukkan kehinaan dan gambaran tingkah laku yang kotor dan jijik, sedangkan sifat dituntut agama ialah sifat 'siddiq' iaitu benar.

Sifat benar adalah salah satu sifat Allah seperti mana yang disebut dalam firman yang bermaksud: "Dan siapakah pula yang lebih benar perkataannya selain daripada

da Allah?" (Surah al-Nisa', ayat 87)

Antara sifat siddiq ialah benar pada niat, tidak terdorong untuk berbuat baik melainkan kerana Allah SWT; benar pada lidah dengan menyampaikan sesuatu berita yang betul, tepat serta benar pada janji dan amanah.

Sifat benar mampu memberi ketenangan kepada jiwa yang mulia dan sifat mereka-reka cerita atau berbohong akan menggelisahkan hati, selain menjadikan seseorang itu resah serta kebingungan.

Muslim yang baik tentunya tahu semua setiap perbuatan akan dipertanggungjawabkan ke atasnya kelak di mahkamah Allah SWT dan tahu dirinya selalu diawasi Allah SWT, setiap amalnya mempunyai catatan dan nilai di sisi-Nya.

Ia selalu berusaha untuk jujur dan benar dalam segala perbuatannya, bahkan ia lebih memilih diam daripada mengucapkan sesuatu yang tidak baik, merugikan diri sendiri serta orang lain.

Sungguhpun begitu, berkata benar boleh juga menjadi sesuatu yang tidak dianjurkan Islam, jika siddiq tidak membawa masalah mulia, sebaliknya mendatangkan mudarat lebih besar. Dalam hal ini, berbohong adalah dibolehkan, bahkan ia wajib untuk dilakukan.

Walau bagaimanapun, ia tidak mudah kerana ada syarat tertentu yang membolehkan pendustaan. Jika sesuatu yang mulia ingin dilakukan dan ia dapat diraih atau dicapai tanpa berdusta atau berbohong, maka berdusta dalam keadaan ini haram hukumnya.

Tetapi jika sebaliknya, iaitu tidak ada cara lain dapat mencapai tujuan yang mulia dan terpuji



JUJUR dalam berkata-kata adalah kunci kepada kepercayaan dan dituntut dalam menjaga hubungan sesama umat.

serta kebaikan lebih besar melainkan dengan berdusta, maka dusta pada keadaan seperti ini adalah dibolehkan.

Bahkan ulama menjelaskan hukum dibolehkan berdusta iaitu jika maksud ingin dicapai adalah sesuatu yang mubah (boleh dikerjakan atau ditinggalkan), maka dusta saat itu hukumnya mubah. Jika maksud ingin dicapai adalah sesuatu yang wajib, maka dusta saat itu pun menjadi wajib.

Sabda Rasulullah SAW dalam hadis Ummu Kultsum, yang bermaksud: "Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Tidaklah dikatakan pendusta orang yang mendamaikan manusia (yang berseteru), melainkan apa yang dikatakan adalah kebaikan." (Hadis Muttafaq 'Alaih)

Tetapi sebahagian ulama antaranya al-Imam an-Nawawi Rahimahullah dan Syaikh Ibnu Utsaimin Hafizhahullah berpendapat, sikap lebih hati-hati dan utama dalam hal ini adalah melakukan 'tauriyah' iaitu pada zahir lafaznya dusta,

PETIKAN HADIS



Adakah seseorang Muslim itu penakut? Jawab Nabi: Mungkin. Ditanya lagi: Adakah mungkin ia bakhil? Nabi menjawab: Mungkin. Ditanya lagi: Adakah mungkin ia dusta? Jawab Nabi: Tidak.

Riwayat 'Abul Laits

tetapi sebenarnya tidak berdusta jika disandarkan kepada maksudnya.

Walau bagaimanapun, meninggalkan tauriyah dan tetap dengan ungkapan dusta tidak diharamkan dalam keadaan yang membolehkan dusta.

Contoh 'tauriyah' ialah kisah diriwayatkan Bukhari ketika Rasulullah SAW membonceng kenderaan Abu Bakar, di tengah perjalanan ada seseorang bertanya Abu Bakar mengenai Rasulullah SAW, lalu beliau menunjukkan kepada Rasulullah SAW dan mengatakan, ini adalah penunjuk jalanku.

Maka orang yang bertanya itu menganggap jalan yang dimaksudkan adalah makna hakiki, padahal maksud Abu Bakar adalah jalan kebaikan, semata-mata demi kemalahatan Rasulullah SAW daripada ancaman musuh Baginda.

Justeru, yang terbaik ialah jauhi pembohongan, baik melalui perkataan mahupun perbuatan kerana ia boleh menggugat nama baik agama dan umat Islam seluruhnya. Islam bukanlah agama yang menganjurkan penipuan, melainkan dalam keadaan sangat terdesak dan menjauhi kemudharatan.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia**